

Rizab antarabangsa BNM September meningkat

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia (BNM) berjumlah RM405 bilion pada 30 September 2016, meningkat berbanding RM392.5 bilion pada 15 September lalu.

BNM berkata, peningkatan rizab dalam nilai ringgit, terutama disebabkan pelarasan suku tahunan bagi perubahan penilaian semula pertukaran asing

berikutan pengukuhan nilai mata wang lain berbanding ringgit pada suku ketiga tahun ini.

"Paras rizab ini memadai bagi membiayai 8.4 bulan import tangguh dan 1.2 kali hutang luar negeri jangka pendek," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Komponen utama rizab antarabangsa itu adalah rizab tukaran

asing (AS\$89.7 bilion), kedudukan rizab Tabung Kewangan Antarabangsa (AS\$0.8 bilion), Peruntukan Hak Pengeluaran Khas (SDR) (AS\$1.2 bilion), emas (AS\$1.5 bilion) dan aset rizab lain-lain (AS\$4.5 bilion).

Aset bank pusat

Aset bank pusat itu termasuk emas dan pertukaran asing serta rizab

lain, termasuk SDR (RM404.977 bilion), kertas Kerajaan Malaysia (RM1.643 bilion), deposit dengan institusi kewangan (RM2.162 bilion), pinjaman dan pendahuluan (RM7.657 bilion), tanah dan bangunan (RM2.114 bilion) serta aset lain (RM5.678 bilion).

Liabiliti pula merangkumi modal berbayar (RM100 juta), rizab

(RM123.214 bilion), mata wang dalam edaran (RM92.177 bilion), deposit oleh institusi kewangan (RM170.160 bilion), deposit Kerajaan Persekutuan (RM5.551 bilion), deposit lain (RM916.756 juta), kertas Bank Negara (RM10.633 bilion), peruntukan SDR (RM7.759 bilion) dan liabiliti lain (RM13.718 bilion).

BERNAMA